



Headline	SSTMI Thunderbolt tampil dalam kelas tersendiri		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	59	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,617
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,852



SSTMI Thunderbolt tampil dalam kelas tersendiri

PASUKAN hoki Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI Thunderbolt) membuktikan bahawa mereka berada dalam kelas tersendiri apabila berjaya merangkul gelaran hatrik Piala Milo 2013.

SSTMI Thunderbolt mengesahkan kejuaraan selepas menewaskan Universiti Kuala Lumpur (UniKL Thunderbolt) 1-0 pada aksi final kelmarin.

Bagaimanapun, kejayaan yang dikecapi SSTMI Thunderbolt itu tidak semudah yang disangka.

"Pasukan hoki SSTMI mengalami sedikit masalah kerana sukar untuk mengekalkan pemain-pemain. Selepas menamatkan pertandingan di tingkatan lima, mereka tidak lagi terikat dengan pasukan.

"Bagaimanapun, saya sangat

bersyukur dengan kesudian pihak TNB (Tenaga Nasional Berhad) untuk mengambil alih pasukan ini dan seterusnya menubuhkan pasukan SSTMI Thunderbolt.

"Penglibatan TNB sangat saya hargai kerana untuk mengharungi Liga Hoki Malaysia memerlukan dana yang besar dan hasilnya kami mencapai keputusan yang membanggakan sejak empat musim lepas," kata jurulatih SSTMI Thunderbolt, Wan Roslan Wan Rahman.

Wan Roslan turut mengulas tentang saingan Liga Remaja Kebangsaan tahun ini dan menurutnya, jurang antara pasukan Divisyen Satu dan Divisyen Dua sangat besar.

"Perkara itu agak merisaukan kerana dalam Divisyen Satu, sekali lagi pasukan-pasukan pilihan

seperti SSTMI, UniKL, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI Anderson) menguasai liga manakala satu lagi pasukan hebat, Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) agak mengecewakan tahun ini.

"SSBJ kehilangan ramai pemain kerana pasukan itu tidak mampu mengekalkan pemain-pemain mereka akibat masalah kewangan serta tiada penaja.

"Peranan penaja sangat penting dalam membantu meneruskan kesinambungan sesebuah pasukan," jelasnya.

Sebelum ini, SSTMI Thunderbolt telah meraih kejuaraan Piala Milo pada 2011 dan 2012 selain menjuarai Liga Hoki Remaja Kebangsaan pada tahun yang sama.



BARISAN pemain SSTMI Thunderbolt meraikan kejayaan muncul juara Piala Milo 2013 di Stadium Hoki Bukit Jalil malam kelmarin.